

**CIRI PERSONALITI BERKUALITI GURU DALAM PENGAJARAN: SEBUAH
KAJIAN KES DALAM KALANGAN GURU SEJARAH TINGKATAN ENAM DI
DAERAH PENAMPANG, SABAH**

Mohd Shahudin Karim, Rosy Talin, Bahari Md Shah, Lee Bih Ni, Musirin Mohsin
Fakulti Psikologi dan Pendidikan,
Universiti Malaysia Sabah,
Malaysia
srkwang@yahoo.com

ABSTRACT

Penjenamaan semula Tingkatan enam yang telah diumumkan oleh bekas Menteri Pelajaran Malaysia, Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 6 Julai 2012 telah menyebabkan perubahan pentaksiran dan penilaian prestasi pelajar dalam peperiksaan. Apabila berlaku pembaharuan kurikulum dalam sistem pendidikan pihak yang paling penting menyokong perubahan tersebut ialah guru. Oleh itu, kualiti guru dalam pengajaran dan pembelajaran perlu ditingkatkan supaya dapat membantu pelajar mencapai prestasi yang baik. Kajian ini bertujuan untuk mencadangkan ciri kualiti yang perlu ada dalam personaliti berkualiti guru Sejarah Tingkatan enam berdasarkan perspektif pelajar. Model “The Big Five Personality” iaitu keterbukaan pada pengalaman, sifat berhati-hati, ekstroversi, menyenangkan dan neurotism telah dijadikan sebagai “benchmark” untuk menerangkan ciri personaliti. Kajian ini adalah satu kajian kualitatif dengan menggunakan kaedah temubual, pemerhatian dan analisis dokumen. Kajian ini mendapati pelajar mengutamakan personaliti ekstroversi dan keterbukaan pada pengalaman sebagai ciri personaliti berkualiti guru Sejarah. Pelajar mengharapkan guru mempunyai personaliti ini dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P).

Kata Kunci: (Ciri Kualiti, Personaliti Berkualiti & Kualiti Guru)

PENDAHULUAN

Guru merupakan individu yang terpenting dalam bidang pendidikan. Perkhidmatan mereka diperlukan untuk merealisasikan aspirasi negara. Seajar dengan itu, pembangunan pendidikan berkualiti dan bertaraf dunia amat wajar dilaksanakan. Namun begitu, menurut Laporan Rancangan Malaysia Ke 10 terdapat halangan kualiti pencapaian bagi lima subjek iaitu Bahasa Malaysia, Sains, Bahasa Inggeris, Sejarah dan Matematik bagi semua peringkat sekolah. Halangan ini perlu diatasi bagi memastikan kualiti pengajaran dan pembelajaran (P&P) selaras dengan aspirasi negara. Subjek-subjek ini diklasifikasikan sebagai subjek-subjek kritikal yang memerlukan guru yang berkualiti dan mahir untuk mengajar bidang berkenaan (Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, 2012).

Subjek Peratusan Melebihi 50% Lulus Penuh Pada Gred C Dan Keatas Di Malaysia Stpm Tahun 2013

Subjek	Peratus (%)
Sains Sukan	93.85
Pendidikan Seni Visual	93.62
Usuluddin	89.94
Syariah	88.79
Pengajian Am	87.35
Kesusasteraan Melayu Komunikatif	85.30
Bahasa Melayu	85.05
Pengajian Perniagaan	83.87
Perakaunan	81.58
Biologi	81.25
Sejarah	79.87

Diubahsuai: (Laporan Tahunan 2013, Majlis Peperiksaan Malaysia)

Analisis pencapaian Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) pada tahun 2013 menunjukkan kedudukan peratusan bagi subjek Sejarah adalah paling rendah berbanding dengan pencapaian subjek-subjek lain. Sehubungan dengan itu, kajian ini disediakan bertujuan untuk mengenalpasti ciri-ciri kualiti personaliti diri seseorang guru Sejarah mengikut perspektif pelajar dan mengapakah ciri-ciri kualiti personaliti tersebut diberi keutamaan dalam kalangan pelajar. Dengan kata lain, kajian ini cuba mengenalpasti ciri bagi personaliti berkualiti guru Sejarah seperti yang dikehendaki oleh pelajar dan harapan pelajar terhadap seseorang guru Sejarah. Limitasi kajian ini adalah hanya melihat daripada perspektif pelajar yang mendapat gred A bagi subjek Sejarah dalam STPM untuk memastikan pencapaian prestasi subjek Sejarah dapat diperbaiki kedudukannya dan kaedah kajian yang digunakan hanyalah dalam bentuk kualitatif.

OBJEKTIF KAJIAN

Mengenalpasti ciri untuk personaliti berkualiti guru Sejarah semasa pengajaran dan pembelajaran (pdp) dari sudut perspektif pelajar.

KAJIAN LITERATUR

Berdasarkan pembacaan kajian literatur, penyelidik mendapati teori *The Big Five Personality* yang terdiri daripada lima personaliti utama iaitu keterbukaan pada pengalaman, sifat berhati-hati, ekstroversi, menyenangkan dan neurotisism dijadikan kerangka teori dalam kajian. Dalam kajian ini pula penyelidik masih menjadikan teori *The Big Five Personality* sebagai tulang belakang kajian.

Teori The Big Five Personality

a) Keterbukaan Kepada Pengalaman

Personaliti keterbukaan kepada pengalaman bermaksud ialah guru memiliki personaliti yang tenang, mesra, bertanggungjawab dan teliti dalam setiap tindak tanduk yang dilakukan didalam kelas. Guru yang memiliki keterbukaan kepada pengalaman yang tinggi ini kebiasaannya akan mengamalkan konsep “ingin tahu tentang dunia, seperti berfikir tentang konsep dan idea-idea, disamping berminat untuk mempelajari perkara-perkara baru” supaya pemikiran guru berkenaan akan jauh lebih ke hadapan berbanding anak muridnya (Myers-Briggs Foundation, 2010).

b) Sifat Berhati-hati

Guru yang memiliki sifat berhati-hati merupakan golongan yang paling sesuai sebagai peramal terbaik untuk berjaya dalam bidang akademik. Ini kerana menurut (Stewart, Fulmer dan Barrick, 2005) guru seperti ini biasanya memiliki ciri yang sangat teliti dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan matlamat sehingga siap pekerjaan tersebut dan perkara yang berkaitan dengan penyelesaian masalah. Guru yang memiliki sifat ini juga biasanya mempunyai rekod prestasi kerja yang baik iaitu tepat pada masanya dalam melakukan kerja dan kurang senang untuk mengambil cuti kerja walaupun sangat sibuk dengan urusan yang pelbagai (Oswald, Schmitt, Kim, Ramsay, dan Gillespie, 2004). Ini kerana guru yang memiliki sifat berhati-hati jarang merungut kerana mereka mempunyai tabiat kerja yang bertanggungjawab dan gigih.

c) Ekstroversi

Personaliti ekstroversi guru adalah komponen penting dalam pendidikan. Ini kerana personaliti guru sebenarnya mampu menyumbang kearah membentuk kredibiliti guru dalam meningkatkan interaksi guru dengan pelajar. Interaksi guru dengan pelajar didapati lebih kerap di dalam dan di luar bilik darjah. Sebagai pelajar, guru ini akan lebih mudah didekati dan berwibawa. Personaliti guru ekstroversi ini akan mewujudkan persekitaran pembelajaran yang berkesan dan selesa (Fisher dan Kent, 1998). Guru ini biasanya mempunyai sifat sangat ekspresif, bertenaga, bersemangat dan pandai bergaul. Guru yang bersifat ekstroversi mampu mencipta persekitaran pembelajaran interaktif berbanding guru yang bersifat introversi. Personaliti guru ekstroversi ini juga paling berpengaruh untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang positif dan kondusif disamping mewujudkan keharmonian untuk menjadikan pembelajaran lebih kukuh dan berkesan (Hughes, 2002).

d) Menyenangkan

Sifat menyenangkan ciri personaliti guru yang mempunyai kemahiran interpersonal yang sangat baik, cenderung untuk tidak berkonfrontasi dengan mana-mana pihak lain. Guru sebegini juga kurang sifat kebergantungannya kepada perkara-perkara yang remeh, sentiasa mengekalkan prestasinya yang baik dan kurangnya menimbulkan masalah dalam kerjayanya. Guru yang memiliki ciri sebegini mempunyai semangat dan mesra, dan memiliki daya imaginasi yang amat baik. Mereka melihat kehidupan dengan penuh kemungkinan. Mereka bersedia menghadapi dengan apa perkara yang berlaku di dalam kelas bagi memastikan pengajaran dalam kelas berlangsung dengan sempurna. Guru sedemikian biasanya akan membuat perkaitan antara peristiwa dan maklumat dengan cepat, dan mudah memberi penghargaan dan sokongan. Guru ini juga memiliki sifat yang fleksibel dalam apa-apa jua perkara yang berada disekitarnya (Myers-Briggs Foundation, 2010). Justeru itu ciri-ciri kualiti bagi personaliti guru ini ialah lembut hati, percaya pada diri, murah hati, lemah lembut, baik hati dan cepat berubah perasaan.

e) Neurotism

Guru yang memiliki sifat neurotism pada tahap yang rendah biasanya akan mengamalkan pengajaran dan pembelajaran interaktif dalam kelas (Chamorro-Premuzic dan Furnham, 2009). Biasanya guru yang memiliki tahap neurotism yang rendah dalam kerjaya akan menggunakan teknik-teknik pengajaran yang lebih berkesan. Tingkah laku seseorang guru adalah berdasarkan perbezaan individu sama ada memiliki neurotism pada tahap yang rendah atau tinggi kerana ia diukur melalui semasa ke semasa dan keadaan seseorang tersebut (Bell, 2007; Fincham dan Rhodes, 2005; Peeters, Rutte, Tuijl, dan Reymen, 2008). Guru yang memiliki kestabilan emosi biasanya guru yang peka dengan persekitarannya. Pengajaran dan pembelajaran guru berkenaan akan lebih tenang dan kurang terganggu. Walaubagaimanapun guru yang memiliki kestabilan emosi yang melampau akan sentiasa merasakan dirinya dalam keadaan zon yang selesa. Kesannya menyebabkan pelajar kurang bermotivasi. Ini disebabkan sikap guru yang kurang memikirkan masalah pelajarannya dan kurang membantu dalam mendidik pelajarannya (Myers-Briggs Foundation, 2010). Ciri-ciri kualiti bagi personaliti neurotism didapati tenang, pandai mengawal emosi, berpuas hati terhadap diri sendiri, selesa, tidak beremosi dan tahan lasak.

Kesimpulannya, berdasarkan daripada kajian-kajian lepas (Henson dan Chambers, 2003; Samar et al, 2013; Kneipp, Kelly, Briscoe, dan Richard, 2010) personaliti yang ditonjolkan dan ditunjukkan oleh guru secara konsisten dan dijadikan sebagai amalan rutin harian akan memberi impak positif kepada pencapaian akademik pelajar. Misalnya, personaliti ekstroverti, neurotism dan menyenangkan. Namun begitu, kajian-kajian lepas ini menggunakan sampel guru secara umum dan bukannya berdasarkan subjek dan kaedah penyelidikan yang digunapakai ialah kaedah kuantitatif.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif kerana penyelidik ingin melihat pandangan dan perspektif pelajar terhadap ciri kualiti personaliti seseorang guru Sejarah. Dalam memilih sampel kajian, penyelidik telah menggunakan pensampelan tujuan atau *purposive sampling*. Dalam kajian ini, individu-individu yang dipilih sebagai peserta kajian terdiri daripada empat orang pelajar yang memperoleh gred A. Pelajar ini dipilih disebabkan mereka telah mendapat A bagi subjek Sejarah dalam peperiksaan STPM semester satu tahun 2014 kerana sesuatu yang berkualiti adalah bermula daripada kualiti (Darling-Hammond, 2000). Oleh itu, untuk mengetahui kualiti guru perlulah dikaji pelajar yang telah terbukti mempunyai kualiti dalam peperiksaan. Terdapat 4 orang pelajar sahaja yang menjadi peserta kajian dalam kajian ini. Latar kajian pula adalah terdiri daripada dua buah sekolah yang memiliki pencapaian kualiti A yang paling tertinggi di negeri Sabah iaitu dua buah sekolah di daerah Penampang SMK Putatan dan SMK Limbanak.

Dalam kajian ini, pengumpulan data adalah menggunakan kaedah temubual yang dijalankan dengan menggunakan rakaman audio yang telah disalin ke dalam dokumen elektronik. Pandangan yang ditimbulkan oleh pelajar semasa temu bual telah digunakan untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci dan telah dimasukkan ke dalam nota kerja lapangan penyelidik. Selepas itu penyelidik melaksanakan pemerhatian di bilik darjah dan analisis dokumen berkaitan dengan apa bagi tujuan triangulasi data. Kaedah menganalisis kesemua data ialah secara manual. Bagi memastikan penganalisisan ini dapat dijalankan secara sistematik sebuah sistem pengekodan (Merriam, 2009) berpandukan kepada persoalan kajian telah digunakan. Kajian ini menggunakan tiga jenis pengekodan: (a) pengekodan terbuka asas, iaitu untuk mengambil perhatian mana-mana kawasan

tertentu yang berkepentingan; (b) pengekodan paksi, untuk mewujudkan kategori atau tema yang muncul dari pengekodan asas; dan (c) pengekodan terpilih, untuk menentukan kategori dan subkategori yang telah dipilih atau digugur bagi mengesan lebih tema atau idea dalam data yang belum dipilih (Glaser dan Strauss, 1967). Pengekodan yang dilaksanakan dengan menggunakan kaedah manual bagi mengesan semua nota, penjelasan, kod dan memo.

DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan data yang dianalisis, penyelidik telah membahagikan dapatan kepada tiga kategori utama iaitu pembentangan & perbincangan, nota, dan sifat agresif guru.

Pembentangan dan Perbincangan

Berdasarkan data yang telah dianalisis, kategori yang telah muncul iaitu, kategori pembentangan dan perbincangan. Dalam kajian ini penyelidik hanya memberi fokus kepada satu kategori iaitu pembentangan dan perbincangan yang dijadikan amalan guru semasa mengajar subjek Sejarah apabila pelajar membuat pembentangan. Data temu bual bersama pelajar hasil aktiviti pembentangan dan perbincangan antara pelajar dan guru merupakan perkara yang diberi keutamaan oleh pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran. Data temu bual mendapati pembentangan pelajar adalah berpunca daripada interaksi dan galakan guru kepada pelajar. Petikan temu bual merujuk kepada pandangan dan pernyataan pelajar.

...ada juga yang aspek lain sebagai contoh cikgu tu akan menyuruh kami untuk membuat pembentangan group by group yang mana setiap kumpulan tu akan dibahagikan kepada satu tajuk..arr begitu la. (S1/TB2/17/04/15: 36-39)

Cikgu tu mendengarlh apa yang kami bentang dan habis pembentangan kami, cikgu akan menyoal kami memberikan soalan tentang kefahaman kami dan cikgu suruh kami buat kesimpulan apa yang kami faham berdasarkan apa tajuk yang kami bentang.(S1/TB2/17/04/15: 47-50)

... jadi lepas presentation tu cikgu tambah maklumat la disitu.. (S3/TB1/25/06/14:39)

Lepas, kami buat presentation, cikgu Badinah akan buat tambah maklumat berdasarkan modul dia bagi tu. (S3/TB1/25/06/14: 44-45)

Berdasarkan pernyataan tersebut, penyelidik mendapati pelajar yang di temu bual menyukai cara guru yang mengalakkan pembentangan hasil tugas diberi didalam kelas. Petikan temu bual merujuk kepada pandangan ini:

Owhh dia menggalakkan kami untuk membuat pembentangan... kalau dari segi pembentangan dia akan suruh kami la untuk membuat itu tajuk.. untuk menguasai itu tajuk untuk kami bentangkan sama-sama faham. Supaya pembentang faham dan orang yang mendengar juga akan faham. (S1/TB2/17/04/15:102-105)

...dari situ saya rasa berguna juga sebab “every student” ada peluang untuk bercakap and then buat research sendiri, lepas tu cikgu tu kasi tambah itu maklumat, so saya rasa tu berguna la juga pengajaran tu. (S3/TB1/25/06/15:39-41)

Berdasarkan daripada kategori yang telah muncul dalam kajian ini, penyelidik telah merujuk semula kepada teori *The Big Five Personality*. Penyelidik telah mengelompokkan kategori yang tersebut sebagai pembentangan dan perbincangan. Kategori yang dibina ini adalah berdasarkan amalan, cara pengajaran dan harapan pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran (PdP) guru Sejarah. Penyelidik mendapati ciri personaliti ini dikenali sebagai personaliti ekstroversi kerana seseorang yang memiliki ciri-ciri ekstroveri mestilah seorang yang suka bercakap, aktif, ghairah dalam pekerjaan, lebih santai dalam kerjaya dan sentiasa turut serta dalam aktiviti pelajar.

Nota

Dapatan kajian yang diperoleh daripada pelajar menunjukkan guru memberikan keutamaan dalam mencatat nota ringkas semasa dalam pengajaran dan pembelajaran didalam kelas. Berikut dapatan hasil temu bual yang menyatakan guru memberi penekanan kepada mencatat nota ringkas dalam pengajaran. Berikut petikan temu bual merujuk kepada kenyataan:

Bagaimana untuk menyiapkan tugas atau kerja rumah Sejarah secara efektif dan nota yang dia jadikan sebagai nota lengkap. (S4/TB2/02/07/15: 16-18)

Namun nota yang kami buat tu ada beberapa contoh nota efektif yang cikgu sudah bagi sedia, dia macam rangka la, tetapi kami penuhkan apa maklumat-maklumat tambahan atau huraian yang ok untuk jawab exam nanti. (S4/TB2/02/07/15: 23-26)


Berdasarkan daripada cara pengajaran guru yang mengalakkan mencatat nota, penyelidik mendapati pelajar menyukai cara pengajaran guru ini yang mementingkan penyediaan nota ringkas semasa pengajaran berlangsung. Berikut adalah penjelasan pelajar berkaitan perkara tersebut.

Ya, sangat berguna. (S1/TB2/17/04/15:27)

Berguna untuk...terutama sekali masa exam la (S1/TB2/17/04/15:29-32)

Berdasarkan data analisis dokumen, penyelidik telah meminta contoh nota ringkas yang dimaksudkan pelajar dan hasil nota disediakan oleh pelajar semasa pengajaran dan pembelajaran guru Sejarah. Contoh nota ringkas yang digunakan oleh pelajar seperti yang tertera dalam rajah 1.0.

CIRI PERSONALITI BERKUALITI GURU DALAM PENGAJARAN: SEBUAH KAJIAN KES



Rajah 1.0

Sifat Agresif Guru

Penyelidik juga mendapati pelajar menaruh harapan berdasarkan amalan dan cara pengajaran guru dan berharap guru mereka memiliki sifat agresif kerana mereka menyukai cara pengajaran guru yang agresif. Berikut adalah penjelasan Amirazan berkaitan perkara tersebut.

Saya suka kalau cikgu tu bagi semangat, macam marah tu saya suka, saya ndak suka kalau dia macam menyendiri tu macam merajuk, jarang bercakap dengan kami tu, kami rasa macam x ok.
(S2/TB3/18/06/15:47-49)

Kesimpulannya, berdasarkan teori *The Big Five Personality* dalam kajian ini telah diguna semula dan penyelidik mendapati cara, amalan dan harapan pelajar terhadap personaliti guru ketika PdP yang dianggap berkualiti ialah keterbukaan kepada pengalaman. Bagi tema ini personaliti guru yang bersifat agresif yang diinginkan pelajar daripada gurunya dalam sesi PdP dan mengamalkan teknik mencatat nota ringkas yang lebih baik.

PERBINCANGAN

Penyelidik akan membincangkan dapatan yang diperolehi dengan menjadikan teori *The Big Five Personality* sebagai tulang belakang teori kajian. Penyelidik mendapati daripada kelima-lima ciri personaliti yang terdapat iaitu keterbukaan kepada pengalaman, sifat berhati-hati, ekstroversi, menyenangkan dan neurotisism hanya dua ciri personaliti guru sahaja yang diinginkan oleh pelajar tersebut yang dianggap sebagai personaliti berkualiti guru Sejarah iaitu personaliti ekstroversi dan keterbukaan kepada pengalaman.

CIRI PERSONALITI BERKUALITI GURU DALAM PENGAJARAN: SEBUAH KAJIAN KES

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa ciri kualiti yang perlu ada dalam personaliti berkualiti guru Sejarah adalah ekstroversi iaitu dalam aktiviti pembentangan yang dijalankan oleh pelajar adalah kerana galakan guru. Guru telah memberikan tajuk cara pembentangan lebih awal untuk memberi peluang kepada pelajar untuk mencari bahan dan maklumat berkaitan. Dapatan kajian mendapati guru telah mengambil bahagian dalam perbincangan selepas pembentangan hasil tugas pelajar. Guru juga sentiasa turut serta dan aktif untuk menyoal kepada pelajar. Pemerhatian juga menunjukkan guru mampu mewujudkan situasi komunikasi berkesan diantara pelajar dengan pelajar dan juga guru. Ini dibuktikan apabila guru meminta pembentang dan pelajar supaya mengulang semula maklumat atau fakta yang diterangkan untuk pencerahan dan penegasan isi pelajaran. Dapatan kajian adalah sejajar dengan dapatan kajian (Teven, 2007a dan 2007b) menyatakan guru yang mengambil berat terhadap muridnya akan mempengaruhi dan dapat mengubah sikap pelajar. Persepsi pelajar ini dianggap berkesan apabila disampaikan melalui lisan guru supaya penumpuan perhatian terhadap tugas dan kerja yang diarahkan.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa ciri kualiti personaliti keterbukaan kepada pengalaman merupakan ciri kualiti yang perlu ada dalam personaliti guru Sejarah yang mementingkan tugas nota ringkas. Dapatan kajian mendapati nota ringkas ini telah diperkenalkan dalam pelbagai bentuk yang dibentuk sebagai nota “*all in one*”, mencatat nota yang berkesan dan kaedah mendapatkan maklumat berdasarkan tajuk kumpulan sebelum pembentangan. Disamping itu, amalan dalam pengajaran yang lebih agresif dan lebih tegas turut digemari oleh pelajar. Pelajar juga berharap guru yang mengajar mereka akan menggunakan peneguhan negatif iaitu memberi komen kelemahan tujuannya supaya motivasi pelajar dapat ditingkatkan. Pelajar tidak gemar kepada guru yang senyap kurang berinteraksi dengan pelajar. Dapatan kajian ini selaras dengan dapatan Rushton, Knopp, dan Smith (2006) turut menyatakan penunjuk keperibadian yang terbukti paling dominan dalam kalangan guru terbaik ialah apabila memiliki ciri keterbukaan dalam apa juga keadaan dan situasi. Ini telah disokong oleh Lépine (2003) mendapati bahawa personaliti yang mempunyai keterbukaan kepada pengalaman amat sesuai dan lebih mudah mewujudkan persekitaran pasukan yang dinamik. Justeru ciri-ciri kualiti bagi personaliti yang dikehendaki oleh pelajar perlu ada dalam diri guru Sejarah ialah imaginatif, kreatif, asli, menyukai kepelbagaian dan sifat ingin tahu. Kesimpulannya seseorang guru yang memiliki personaliti berkualiti menurut pandangan pelajar mestilah memiliki personaliti ekstroversi dan keterbukaan kepada pengalaman.

CADANGAN

Hasil dapatan kajian yang diperoleh sepanjang kajian ini dilaksanakan adalah dicadangkan beberapa kajian lanjutan yang difikirkan:

1. Menggunakan peserta kajian yang bukan daripada latar belakang subjek Sejarah.
2. Mencadangkan kurikulum yang berteraskan pendekatan personaliti yang seharusnya digunakan oleh guru dan harapan yang diinginkan pelajar terhadap gurunya.

RUMUSAN

Kajian yang dilaksanakan ini adalah dengan menggunakan kaedah kualitatif. Kajian ini melibatkan empat orang pelajar yang mendapat A dalam subjek Sejarah. Penyelidik mendapati ciri di dalam teori “*The Big Five Personality*” merupakan teori yang sebenarnya membantu seseorang guru itu untuk lebih berkualiti. Ciri yang dimaksudkan iaitu personaliti ekstroversi dan keterbukaan kepada pengalaman. Melalui pandangan

pelajar terhadap cara pengajaran yang diinginkan daripada guru inilah yang dapat meningkatkan prestasi dan kualiti pencapaian akademik subjek Sejarah.

RUJUKAN

- Barton, K., & Levstik, L. (2004). *Teaching history for the common good*. Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum Associates, Inc.
- Bell, S. (2007). Deep-level composition variables as predictors of team performance: A meta-analysis. *Journal of Applied Psychology, 93*(3), 595-615.
- Chamorro-Premuzic, T., & Furnham, A. (2009). Mainly openness: The relationship between the Big Five personality traits and learning approaches. *Learning & Individual Differences, 19*(4), 524-529.
- Darling-Hammond, L. (2000). Teacher quality and student achievement: A review of state policy evidence. *Education Policy Analysis Archives, 8*(1), 1-44.
- Drake, F.D., & Nelson, L. (2005). *Engagement in teaching history: Theory and practices for middle and secondary teachers*. Upper Saddle River, NJ: Pearson Education, Inc.
- Fincham, R., & Rhodes, P. (2005). *Principals of organizational behavior*. (4th ed.). New York, NY: Oxford University Press.
- Fisher, D. L., & Kent, H. B. (1998). Association between teacher personality and classroom environment. *Journal of Classroom Interaction, 33*(1), 5-13.
- Glaser, B. G., & Strauss, A. L. (1967). *The discovery of grounded theory*. Chicago: Aldine.
- Henson, R. K., & Chambers, S. M. (2003). Personality Type as a Predictor of Teaching Efficacy and Classroom Control In Emergency Certification Teachers. *ProQuest Education Journals*.
- Hughes, J. N. (2002). Authoritative teaching: Tipping the balance in favor of school versus peer effects. *Journal of School Psychology, 40*, 485-492.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kneipp, L. B., Kelly, K. E., Briscoe, J. D., & Richard, B. (2010). The impact of instructor's personality characteristics on quality of instruction. *College Student Journal*.
- Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. (2012). *Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Laporan Tahunan 2013, Annual Report (2014). Kuala Lumpur: Majlis Peperiksaan Malaysia.
- Leeves, S., & Banerjee, R. (2013). Childhood social anxiety and social support-seeking: distinctive links with perceived support from teachers. *European Journal of Psychology of Education, 29*(1), 43-62.
- LePine, J. (2003). Team adaptation and postchange performance: Effects of team composition in terms of members' cognitive ability and personality. *Journal of Applied Psychology, 88*(1), 27-39.
- Li, C., & Hung, C. (2012). The interactive effects of perceived parental involvement and personality on teacher satisfaction. *Journal of Educational Administration, 50*(4), 501-518.
- Mendiburu, J. G. (2010). *Personality Typologies As a Predictor of Being a Successful Elementary School Principal*. University of La Verne.
- Merriam, Sharan B. Merriam, Sharan B. (2009) *Qualitative research :a guide to design and implementation* San Francisco, Calif. : Jossey-Bass.
- Myers-Briggs Foundation. (2010). *The 16 MBTI types*. Retrieved from <http://www.myersbriggs.org/my-mbti-personality-type/mbti-basics/the-16mbti-types.asp>
- Oswald, F. L., Schmitt, N., Kim, B. H., Ramsay, L. J., & Gillespie, M. A. (2004). Developing a biodata measure and situational judgment inventory as predictors of college student performance. *The Journal of Applied Psychology, 89*(2), 187-207.
- Peeters, M., Rutte, C., van Tuijl, H., & Reymen, I. (2008). The big five personality traits and individual satisfaction with the team. *Small Group Research, 37*(2), 187-211.
- Rushton, S., Knopp, T. Y., & Smith, R. L. (2006). Teacher of the Year Award Recipients' Myers-Briggs Personality Profiles: Identifying Teacher Effectiveness Profiles Toward Improved Student Outcomes. *Journal of Psychological Type, 66*(4), 23-34.

CIRI PERSONALITI BERKUALITI GURU DALAM PENGAJARAN: SEBUAH KAJIAN KES

- Salekin, R. T., Leistico, A. M. R., Trobst, K. K., Schrum, C. L., & Lochman, J. E. (2005). Adolescent psychopathy and personality theory - The interpersonal circumplex: Expanding evidence of a nomological net. *Journal of Abnormal Child Psychology*, 33(4), 445–460.
- Samar, S. M., Walton, K. E., & McDermut, W. (2013). Personality Traits Predict Irrational Beliefs. *Journal of Rational-Emotive & Cognitive-Behavior Therapy*, 31(4), 231–242.
- Siadat Sayyed Ali, Arbabisarjou Azizollah, Azhdari Zaman, Amiri Zahra, & Abooeimehrizi Mohtaram. (2011). Relationship between Personality Traits and Performance among School Principals. *Higher Education Studies*, 1(1), 38–46.
- Stables, A. (2009). The Unnatural Nature of Nature and Nurture: Questioning the Romantic Heritage. *Studies in Philosophy and Education*, 28(1), 3–14.
- Teven, J. J. (2007). Teacher caring and classroom behavior: Relationships with student affect and perceptions of teacher competence and trustworthiness. *Communication Quarterly*, 55(4), 433-450.
- Teven, J. J. (2007). Teacher temperament: Correlates with teacher caring, burnout, and organizational outcomes. *Communication Education*, 56(3), 382-400.